

59

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
PERASMIAN MUSABAQAH MEMBACA
AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA
TAHUN 1398 HIJRAH DAN TAHUN 1978
MASIHI, DI STADIUM MERDEKA,
KUALA LUMPUR, PADA HARI RABU,
23HB OGOS, 1978 JAM 8.30 MALAM.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Bismillahir-rahmaa-nirrahim.

1. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong,
2. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong,
3. Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Tengku Ampuan Selangor.
4. Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan Besar.
5. Tuan-tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri-Negeri, Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Sabah dan Toh Puan-Toh Puan.
6. Yang Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah.

Ampun Tuanku.

Patek, bagi pihak Pengerusi dan
Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Musabqah
Membaca Al-Quran, serta rakyat sekalian,
merafakkan junjong kasih, serta
setinggi-tinggi penghargaan, kepada
Kebawah Duli Tuanku dan Baginda Raja
Permaisuri Agong, serta Baginda Sultan
dan Tengku Ampuan Selangor, Baginda Yang
di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan
Tuanku Ampuan Besar, kerana berkenan
berangkat mencemar Duli di majlis Pembukaan

Resmi, Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun ini. Demikian juga, dengan kehadiran Tuan-tuan Yang Terutama, Yang Di-Pertua Negeri-Negeri, serta Toh Puan-Toh Puan, amatlah disanjung tinggi dan dihargai.

2. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku dan Baginda Raja Permaisuri Agong, serta lain-lain tetamu kenamaan, telah menyeri dan memeriahkan lagi, majlis yang mulia malam ini.

3. Ia telah juga meningkatkan lagi semangat dan peransang, serta menggalakkan lagi patek sekelian, untuk berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi, bagi menjayakan Musabaqah yang dianjurkan pada tahun-tahun yang akan datang.

..4/-

4. Patek, serta Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat, Musabaqah Membaca Al-Quran, merafakkan junjong kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Baginda Tuanku, di atas kesudian Kebawah Duli Tuanku berkenan meresmikan pembukaan Musabaqah Membaca Al-Quran, Peringkat Antarabangsa, tahun ini.

5. Patek sungguh merasa syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia Kebawah Duli Tuanku, sambutan

rakyat, serta Kerajaan negara-negara jiran,
dan negara-negara Islam yang lain, adalah
lebih menggalakkan lagi, dari tahun-tahun yang
lalu. Pada tahun ini, selain dari Qari
dan Qariah negara kita, seramai 21 Qari
dan 10 Qariah dari 21 buah negara asing,
mengambil bahagian dalam Musabaqah peringkat
Antarabangsa ini. Insya Allah, dengan
berkat kerjasama erat negara-negara ini,

...6/-

kita akan dapat terus menganjurkan Musabaqah dalam tahun-tahun yang akan datang, dengan lebih berjaya lagi.

Ampun Tuanku,

6. Patek mohon izin melafazkan ucapan patek kepada para hadirin sekalian.

7. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam kepada junjungan besar ^{kita} Nabi Muhammad Sallallahu-'alaihi Wasallam, dan ahli keluarganya, para sahabat, para mujahid,

mukmin dan mukminat sekalian.

1. Yang Berbahagia, Tan Sri Syed Nasir Ismail,
Pengerusi dan lain-lain Ahli Jawatankuasa
Pusat, Musabaqah Membaca Al-Quran,
2. Yang Amat Berhormat, Timbalan Perdana Menteri,
Menteri-Menteri Besar dan
Ketua-Ketua Menteri.

Yang Berhormat, Menteri-Menteri dan Timbalan-
Timbalan Menteri.

Tuan-Tuan Yang Terutama, Ketua-Ketua
Perwakilan Asing.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Saya bersyukur kehadiran Allah
Subhanahu Wataalah, kerana dengan taufiq
dan hidayahNYA, serta limpah kurniaNYA,

dapatlah kita mengadakan Musabaqah membaca Al-Quran, bagi kali yang Ke 19 Peringkat Antarabangsa, dan kali yang ke 20 peringkat Kebangsaan, yang telah pun berakhir pada malam semalam. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Malaysia, supaya melalui Musabaqah membaca Al-Quran, kita akan dapat meninggikan lagi syiar ^{shinar} ISLAM, serta mengeratkan lagi silaturrahim, di kalangan umat Islam di dunia ini.

9. Adalah diharapkan juga, agar Musabaqah ini, akan dapat mendorong dan menambahkan lagi, minat Umat Islam membaca, meneliti serta mengkaji Al-Quran, dengan sempurnanya, supaya dapatlah Al-Quran itu, dijadikan pedoman hidup yang menyeluruh, bagi mencapai kemajuan hidup yang diredhai Allah, di dunia dan akhirat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. "Nilai dan Disiplin Hidup Menurut Al-Quran", yang merupakan thema Musabaqah

pada tahun ini, adalah sesuai sekali, kerana dengan terpeliharanya nilai dan disiplin hidup, oleh semua lapisan masyarakat di negara ini, khususnya, dan di dunia seluruhnya, maka keselamatan, keamanan dan kestabilan, akan menjadi lebih terjamin *lagi*. Ini adalah perlu, supaya usaha-usaha kita mencari kemajuan di dunia ini, akan dapat dilakukan, tanpa sebarang halangan dan gangguan. Dalam membentuk nilai dan disiplin hidup, adalah amat penting sekali bagi kita melaksanakan tanggungjawab, seperti yang terkandung dalam Firman Allah

An-Nisak

Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisa'

ayat 58 dan 59 yang bermaksud:

"Sesungguhnya, ALLAH menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum diantara manusia, supaya kamu berlaku adil. Sesungguhnya, ALLAH memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu, sesungguhnya, ALLAH maha mendengar lagi maha mengetahui."

11. Seterusnya, firman itu menyeru:—

" Wahai orang-orang yang beriman, ta'atilah kepada ALLAH, dan ta'atilah kepada RasuINYA, dan pemimpin-pemimpin diantara ^{kamu} ~~kaum~~; jika sekiranya, kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kepada jalan ALLAH, iaitu AL-QURAN dan RasuINYA; jika kamu benar-benar beriman kepada ALLAH dan Hari Qiamat, yang demikian itu lebih utama, dan lebih baik, kesudahannya."

12. Berdasarkan kepada maksud ayat-ayat inilah, maka umat Islam perlu mengamalkan sifat-sifat amanah, jujur dan adil, bagi

memelihara nilai dan disiplin hidup yang sempurna. Mereka hendaklah sebenar-benarnya, beriman kepada ALLAH dan RasuINYA, serta patuh kepada pemimpin-pemimpin. Sekiranya berlaku pertentangan pendapat, hendaklah segera mencari penyelesaian, mengikut jalan-jalan pertunjuk dari Al-Quran dan Al-Hadith. Dengan jalan ini, maka bolehlah kita memelihara keutuhan dan perpaduan rakyat, dan dapatlah pula kita menjamin kelancaran pelaksanaan pembangunan negara.

13. Menyedari hakikat inilah, maka Kerajaan Malaysia sedang pesat menjalankan pembangunan diseluruh negara, yang bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, tanpa mengira kaum, serta bertujuan menyusun semula masyarakat, bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih adil dan saksama. Langkah-langkah tertentu juga diambil, dalam setiap bidang rohaniah dan jas-
supaya maniah, bagi memastikan kejayaan rancangan pembangunan ini, dapat di capai dengan sempurnanya. Adalah amat penting di ingat

dan disedari, bahawa timbulnya kerisis
moral dan nilai, dalam masyarakat sekarang
ini, adalah disebabkan sebahagian besar
masyarakat, telah mengenenepikan kaedah moral
dan nilai Al-Quran dan Al-Hadith, yang
merupakan sumber yang haq, lagi benar,
untuk kegunaan seluruh umat manusia.

14. Pengenepian manusia dari ajaran
Islam itulah juga, yang menyebabkan manusia
meraba-raba dan tercari-cari, nilai, yang
telahpun ditentukan oleh Allah Subhanahu
Wataala dan RasuINYA. Dengan itu, umat Islam

hendaklah segera kembali kepada Al-Quran dan Al-Hadith, seperti firmanNYA dalam surah Al-Anfal, ayat 24, yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, sambutlah seruan Allah dan RasulNYA, apabila seruan itu memanggil kamu, kepada apa-apa yang memberikan penghidupan kepada kamu..."

Dengan ini bermaknalah, setiap umat Islam, dikehendaki melaksanakan seruan, iaitu dakwah, pada jalan Allah dan RasulNYA, bagi meninggikan lagi ^{shinar} syiar Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Kerajaan Malaysia telah pun, dan akan terus, menjalankan apa jua langkah yang menasabah, bagi meninggikan lagi ^{shiar} syiar Islam, meningkatkan lagi taraf ekonomi umat Islam, serta mengeratkan lagi perpaduan di kalangan umat Islam, supaya masyarakat Islam, akan terus menjadi teguh, kukuh dan bersatupadu. Dengan jalan ini, masyarakat Islam akan sentiasa disanjung tinggi, dihormati dan disegani.

.. 18/-

15A. Sewajarnya ialah hakikat ini, menjadi matalamat dan keazaman penuh, masyarakat Islam di seluruh dunia. Bukanlah tujuannya hendak menunjukkan kekuatan atau mengugut secara kekerasan, supaya pandangan dan pendapat kita itu di akui. Tetapi, apa yang dimaksudkan, ialah supaya perpaduan dan kata sepakat masyarakat Islam seluruhnya itu, boleh memberi gambaran, bahawa kita merupakan satu pasukan yang mesti diakui oleh dunia, dan supaya pendapat serta pandangan kita, tidaklah diketepikan begitu sahaja, atau dipandang sepi. Oleh itu,

marilah kita beriman dan bertaqwa kepada Allah, dan bersatupadu di bawah U^gama Islam, mudah-mudahan, segala usaha suci kita, sentiasa diberkati dan dimakbukan oleh ALLAH yang maha berkuasa.

15B. Inilah sahaja sebaik-baik jalan *tanpa pertumpahan darah,* bagi umat Islam mendapatkan kembali, bumi Islam, iaitu Palastin, dan tempat suci umat Islam, iaitu Masjid Al-Aqsa, yang telah di tawan oleh kaum Yahudi, ~~tanpa pertumpahan darah.~~

16. Adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam, supaya bersama-sama memberi bantuan kebendaan dan moral, bagi menentukan supaya hasrat dan niat suci orang-orang Palastin itu, berjaya.
17. Kerajaan dan rakyat Malaysia, sukalah sekali lagi, mengulangi sokongannya yang kuat dan kukuh, kepada perjuangan hakiki rakyat Palastin, dan umat Islam di Asia Barat, yang sedang berusaha bersungguh-sungguh bagi mengembalikan semula bumi umat Islam, yang dicerobohi secara haram oleh Israel.

17A. Sebagai satu bukti sokongan kita, terhadap perjuangan pembebasan Palastin, dan pembebasan Masjid Al-Aqsa, Malaysia telah mengeluarkan setem-setem dan sampul surat khas, sempena Hari Al-Aqsa awal minggu ini. Semua kutipan jualan hari pertama, akan didermakan kepada kebajikan keluarga-keluarga pejuang Palastin, yang telah mati syahid.

18. Kerajaan dan rakyat Malaysia, memang mengutuk pencerobohan Israel itu, dan mengutuk

di atas kedegilan Israel, yang tidak sedikit pun mengindahkan keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dan tidak menghiraukan langsung, pandangan antarabangsa demi keselamatan, keharmonian dan perdamaian dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18A. Adalah menjadi hasrat Kerajaan, supaya usaha-usaha yang lebih berkesan, dapat dijalankan, bagi meninggikan lagi, mutu Musabaqah Membaca Al-Quran ini, dari tahun kesetahun. Yang Berbahagia, Tan Sri


Syed Nasir, telah mencadangkan penubuhan Darul Quran, supaya segala pengajian yang lebih mendalam, dan lain-lain kegiatan yang lebih meluas, mengenai Al-Quran, dapat dipesat dan dipusatkan. Saya bolehlah meminta Bahagian Uqama di Jabatan Perdana Menteri, mengkaji cadangan ini.

19. Akhirnya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, dan terima kasih kepada Pengerusi, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah, pasukan tentera dan polis, pertubuhan-pertubuhan, dan hadirin sekalian, yang telah bersama-sama menjayakan Musabaqah pada tahun ini.

20. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, kepada negara-negara sahabat, yang turut serta menghantar peserta-peserta Musabaqah dan hakim-hakim, serta memberi kerjasama yang rapat dan irat, bagi menjayakan Musabaqah tahun ini.

Ampun Tuanku.

21. Patek, bagi pihak Ahli-ahli Jawatan-
kuasa sekelian, dengan penuh hormat takzim,
memohon Kebawah Duli Tuanku, berkenan
melakukan istiadat meresmikan Musabaqah
Membaca Al-Quran, Tahun Hijrah 1398, dan
Tahun Masihi 1978, Peringkat Antarabangsa
ini. Ampun Tuanku.





Amun Tunku

St. Peter pada pntak Ahl-i-sunnat jawatan-
kuasa sekalian, dengan penuh hormat tekam
memohon Keputusan Duli Tunku, berkenan
melakukan tatibdt merenungkan Keputusan
Membaca Al-Quran, Tahun Hijrah 1398 dan
Tahun Masihi 1978, Peringkat Antarabangsa



Amun Tunku

No Siri	395
No Penerimaan	34/81